

opah yang lebih kukuh.



SUMBER - UBS Investment Bank/BERNAMA

"Kontrak ini secara langsung mampu meningkatkan kapasiti pengeluaran OMNI dan amat penting kerana model perniagaan di negara ini adalah berasaskan perkhidmatan dan amat sukar bagi syarikat yang berorientasikan produk sepertinya untuk berada di pasaran begini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui bersama dua lagi syarikat yang berjaya menyertai VDP Petronas melalui piawaian ketat iaitu PBJV Group Sdn. Bhd. (PBJV Group) Petroclamp Sdn. Bhd. (Petroclamp) di sini hari ini.

OMNI merupakan syarikat kerjasama dengan Tercel Oilfield Products yang berpusat di Dubai dengan 30 peratus ke-

milian dolar. Beliau berkata, kerana Petronas kerana mempunyai alat kepayaan OMNI untuk menyertai VDP kerana proses permohonannya sangat ketat.

"Walaupun sebelum ini OMNI sudah pun mematuhi standard antarabangsa, namun Petronas tetap melakukan audit berterusan ke atas syarikat kami dan ia mengambil masa hampir dua tahun.

"Untuk menjadi VDP bukan sesuatu yang mudah. Kami berjaya atas usaha sendiri dan bantuan daripada Petronas dari segi mematuhi garis panduan yang ditetapkan," jelasnya.

Beliau berkata, pada 2015, syarikat juga menyasarkan mampu menghasilkan komponen dengan seratus peratus buatan tempatan berbanding hanya peratus kecil ketika ini.



PENYEDIAAN tenaga elektrik yang stabil dan berterusan merupakan komitmen tenaga kepada rakyat Malaysia. - GAMBAR HIASAN

Petronas lantik 79 vendor, tawar kontrak bernilai RM7.52 bilion

'Jaguh kampung' ke pemain global

05.12.13

PERTUKARAN MATA WANG ASING

AMERIKA	3.2250/2290
SINGAPURA	2.5685/5737
EURO	4.3873/3937
JEPUN	3.1590/1641
POUND	5.2838/2917

INDONESIA (100) 0.0282/0.0257

RIYAL 88.2600/83.7900

HARGA KOMODITI

MINYAK SAWIT	RM2,609/tan
EMAS	AS\$1,234.35/aun
MINYAK	AS\$97.20/setong

Oleh FAIRUS KASSIM
dan NUR NAZLINA NADZARI
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Dis. - Program Pembangunan Vendor (VDP) Petronas yang bermula sejak 1994 telah banyak mengangkat syarikat tempatan daripada hanya 'jaguh kampung' kepada pemain bertaraf antarabangsa dalam industri minyak dan gas.

Setakat ini, Petronas telah melantik 79 vendor dengan nilai kontrak yang telah diberikan sebanyak RM7.52 bilion. VDP melibatkan kontrak selama lima tahun dengan pilihan lanjutan selama dua tahun.

Menurut salah sebuah syarikat yang terlibat dengan VDP, PBJV Group Sdn. Bhd. (PBJV Group), anak syarikat Barakah Offshore Petroleum Bhd. (Barakah), yang baru disenaraikan bulan lalu menyatakan, VDP merupakan platform paling bernilai disediakan oleh Petronas khususnya kepada syarikat bumiputera untuk melangkah lebih jauh.

Pengerusi Eksekutif PBJV, Nik Hamdan Daud berkata, dengan menerima kontrak jangka panjang daripada Petronas, syarikat mampu untuk membuat perancangan dari segi sumber, pembuatan dan pembangunan modal insan



NIK HAMDAN DAUD



KU HALIM KU HAMID

sepanjang tempoh berkenaan.

"Dengan adanya kontrak tersebut telah memudahkan kami membuat pembiayaan di bank dan melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk produk baharu. Ini akan membantu kelangsungan syarikat apabila tamat tempoh VDP dengan Petronas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di sini, hari ini bersama dua lagi syarikat yang berjaya menyertai VDP Petronas melalui piawaian ketat iaitu Petroclamp Sdn. Bhd. (Petroclamp), dan OMNI Oil Technologies (M) Sdn. Bhd. (OMNI).

Dalam perkembangan yang sama, Pengerusi Petroclamp, Prof. Ku Halim Ku Hamid berkata, untuk menyertai VDP Petronas bukanlah se-

suatu yang mudah kerana kriteria yang ditetapkan cukup ketat bagi mengekang penglibatan syarikat 'ali baba.'

"Petroclamp sendiri mengambil masa hampir dua tahun untuk layak menyertai VDP. Namun sepanjang tempoh itu, Petronas banyak membantu dari segi pembangunan produk, kualiti dan telah diaudit beberapa kali sebelum berjaya.

"Petroclamp sendiri telah melabur sebanyak RM500,000 untuk menghasilkan produk sendiri dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM)," jelasnya.

Menangkis dakwaan bahawa Petronas tidak membantu syarikat bumiputera, Pengarah Urusan OMNI, Nik Mustapha Fathil berkata, Petronas telah menetapkan standard yang cukup ketat tetapi jelas dan tidak menjadi masalah jika pemohon menepati kriteria itu.

Katanya, Petronas menetapkan indeks prestasi utama kepada vendor antaranya pensijilan ISO 9001, tiada kemalangan operasi, tiada aduan negatif mengenai perkhidmatan dan diaudit hampir setiap bulan.

"Walaupun dilihat sangat ketat tetapi ini melatih vendor untuk bersaing di peringkat antarabangsa. VDP bukan sahaja membantu vendor tersebut, malah banyak syarikat bumiputera lain yang berada di bawah rantaian seperti pembekal dan sub kontraktor," ujamnya.